



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بُورْنَيْسِيَّتِي اِسْلَامِيَّة اِنْتَابَارَا اِنجِنِيَا مَلْدِيْسِيَا

**HAKAM (PENIMBANGTARA) DAN
PEGAWAI PERUNDING KELUARGA:
BIDANGKUASA DAN PERANANNYA
AKTA 303**

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY LIBRARY	
ORDER NO: 6/77	LOCATION:
DATE RECEIVED: 6/9/92	M
ACC. NO: 128777	
CALL NO:	

ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN

**KULLIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
PETALING JAYA
MALAYSIA
1412H/1992M**

**HAKAM (PENIMBANGTARA) DAN
PEGAWAI PERUNDING KELUARGA:
BIDANGKUASA DAN PERANANNYA
AKTA 303**

**O
L
E
H**

ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MENDAPATKAN
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM**

**KULLIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
PETALING JAYA
MALAYSIA
1412H/1992M**

PENGAKUAN

Saya akui penulisan kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



ABD. GHANI BIN HAJI OTHMAN ZAKARIA

G 911137

Tarikh: 31.05.1992
28.11.1412

ibu penawar jiwaku
ayah bagai payung pelindung
sungguh bererti bersamamu
belai kasihmu berdua
menghidupkan jiwa

"Ya Ilahi! Ampunlah keduanya
bagaikan mula kehadiranku."

Tok dan Nek tidak dilupa
MIGA -kalian masih dapat menitiskan
air mata

"Ya Allah! Cucurilah keampunan,
hasilah pusara dengan rahmatMU
yang berpanjangan."

adinda Nor!
kutahu dan kuhargai semua pengorbananmu

'afifi, rizi, busyra hani',
juga lutfi! dirimu menjadi hadiah
tiga puluh tiga usiaku
kalian ikutilah perjuangan abah
yang dirintis hari ini.

ALLAH! jadilah keredhaanMU matlamat kami.

selayang baru
20061992

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

الحمد لله الذي هدانا لهذا وما كنا لنهتدي لولا أن هدانا
الله . والصلاة والسلام على سيدنا محمد وآله وصحبه والتابعين ،
صلاة وسلاما دائماً إلى يوم الدين . وبعد !

Sesungguhnya minat Penulis untuk terus mengkaji dan menyelidik khazanah ilmu Islam berterusan hingga sekarang ini. Oleh itu kesyukuran kepada Allah tidak dilupakan atas asas yang telah ditunjukkan oleh ayahanda yang dikasihi Haji Othman bin Zakaria dan bonda yang dikasihi Hajjah Halimah binti Md. Isa yang terus memberi kasih sayang dan galakan yang berterusan sehingga puteranya berjaya di dalam Diploma ini. Atas pengorbanan keduanya didoakan semoga diberi Allah taufiq dan hidayah serta diampunkan Allah segala kesalahan mereka. Amin!.

Penghargaan yang setinggi-tingginya ditujukan kepada Y. Bhg. Tan Sri Prof. Wan Hamzah Salleh dan Y. Bhg. Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman yang sanggup menyelia Kajian ini sehingga dapat disiapkan. Demikian

juga dikalungkan penghargaan kepada Y. Bhg. Tuan Haji Muhammad Abu Bakar dan Y. Bhg. Prof. Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim dimana kedua-duanya telah memberi kuliah dalam Diploma ini, yang mempunyai hubungan dengan kajian Penulis.

Tidak ketinggalan juga penghargaan diberikan kepada pentadbir Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Awam Islam, teman-teman kuliah DAIJ sesi 1991/92 dan pegawai-pegawai di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang tidak dapat disenaraikan nama mereka. Semuga atas galakan dan pertolongan semua pihak di dalam menyiapkan Kajian ini diberi keberkatan oleh Allah.

Akhirnya didoakan agar sama-sama mendapat kebahagiaan dari Allah yang berpanjangan.

ABD. GHANI BIN HAJI OTHMAN ZAKARIA
SELAYANG BARU.

31 Mei 1992.
28 Zul Qaidah 1412.

PENDAHULUAN

Kajian ini merupakan satu kajian awal ke arah memperkenalkan Institusi Tahkim di dalam perundangan Islam secara meluas dan dalam konteks masyarakat Islam Malaysia.

Metodologi kajian yang digunakan ialah berdasarkan kajian dalaman yang terpaksa dirujuk kepada penulisan-penulisan yang dibuat di dalam buku-buku fiqh dan perundangan Islam. Kebanyakan membincangkannya secara ringkas dan diselit disana sini. Oleh itu Penulis cuba mengumpul dan menganalisa sekadar yang termampu. Kaedah perbandingan aliran pemikiran dan fiqh mazhab-mazhab turut ditunjukkan disamping ulasan dan pandangan Penulis. Disamping itu Penulis terpaksa membuat kajian luar bagi melihat amalan-amalan tahkim yang sedia dibuat dan menjadi amalan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

Dalam kajian ini, Penulis membahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama mengandungi perbincangan mengenai takrif Institusi Tahkim dan hakam, dalil

keharusan untuk menggunakan sistem tahkim, rukun tahkim, perlantikan hakam, bidangkuasa, bilangan dan syarat kelayakan hakam, tempoh tindakan hakam, pemecatan hakam dan keputusan yang dikeluarkan oleh hakam. Juga dijelaskan perbezaan dan hubungan tahkim dengan sulh dan ibra' serta penggunaan wakalah dalam pertikaian.

Bahagian kedua berkenaan Unit Perunding dan Pembangunan Keluarga (UPPK). Dijelaskan berhubung penubuhan dan carta organisasinya, bidangkuasa dan operasinya serta hubungan UPPK dengan Mahkamah Syariah.

Di bahagian ketiga diulas berkenaan hakam mengikut Akta Undang-undang Keluarga Islam (W.P.) 1984, Akta 303, iaitu penilaian seksyen 47, 48, 49 dan 51. Dibuat prosidur jawatankuasa pendamai dan tahkim. Sedikit analisa berkenaan jawatankuasa pendamai dengan melihat kepada peruntukan Akta dan kes-kes Mahkamah. Ditinjau disegi jumlah kes, siapa ahli yang dilantik, bentuk pengtakhiman, siapa pengerusinya, tempoh tindakan dan keputusan jawatankuasa pendamai. Kemudian disenaraikan beberapa kes dimana Mahkamah menubuhkan Jawatankuasa Pendamai.

Dibahagian keempat ialah Penulis memberi penilaian dan cadangan bagi mengenengahkan Institusi Tahkim di dalam sistem perundangan Islam dan diamalkan dikalangan masyarakat Islam Malaysia. Walaupun kajian ini sebagai memenuhi syarat bagi memperolehi Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, adalah diharapkan ianya dapat dimanfaatkan lebih daripada tujuan itu.

Sekian.

والله ولي التوفيق

ABD GHANI BIN HAJI OTHMAN ZAKARIA

KANDUNGAN

Penghargaan	i
Pendahuluan	iii
Kandungan	vi
Senarai Rajah	ix
Singkatan Kata	x

BAHAGIAN PERTAMA HAKAM (PENIMBANGTARA)

1. Muqaddimah	1
2. Takrif Institusi Tahkim dan Hakam	10
3. Nas-nas Berhubung dengan Hakam:	16
3.1 Al-Qur'an	
3.2. Hadis	
3.3. Athar	
4. Rukun Tahkim	26
5. Perlantikan Hakam	35
6. Bidangkuasa Hakam	42
7. Bilangan Hakam	74
8. Syarat Kelayakan Hakam	78
9. Tempoh Tindakan Hakam	95
10. Pemecatan Hakam	103

11. Keputusan hakim	112
Perbezaan dan hubungan Tahkim dengan Sulh, Ibra' dan Wakalah	123

BAHAGIAN KEDUA

UNIT PERUNDING DAN PEMBANGUNAN KELUARGA

12. Muqaddimah	140
13. Penubuhan dan carta	141
14. Bidangkuasa dan Operasi	145
15. Hubungan dengan Mahkamah Syariah	159

BAHAGIAN KETIGA

HAKAM MENGIKUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

(WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

AKTA 303

16. Muqaddimah	165
17. Penilaian Bagi Seksyen 47, 48, 49 dan 51	166
18. Prosidur Hakim dan Jawatankuasa Pendamai:	190

Jumlah Kes
Siapa Yang Dilantik
Perlantikan
Bentuk Penghakiman

Pengerusi Jawatankuasa

Tempoh Tindakan

Syora/ Keputusan Jawatankuasa Pendamai

Laporan Kes Jawatankuasa Pendamai

BAHAGIAN KEEMPAT

PENILAIAN DAN CADANGAN

19. Penilaian	227
20. Cadangan	231

PENUTUP

21. Penutup.	235
Lampiran-lampiran.	238
Bibliografi.	252

SENARAI RAJAH

RAJAH:

1. Rumahtangga Dalam Perkahwinan	73
2. Carta Organisasi Bahagian Undang-undang Syariah	143
3. Carta Organisasi UPPK	144
4. Aduan Pertama	149
5. Aduan Susulan (Pertama)	152
6. Aduan Susulan (Kedua)	155
7. Peringkat Ketua Unit	157
8. Peringkat Mahkamah Syariah	160
9. Aliran Perlantikan Jawatankuasa Pendamai	164
10. Permohonan Bercerai	172
11. Permohonan Khulu*	177a
12. Rujuk	177b
13. Keadaan Membolehkan Guna Hakam	210
14. Tahkim Seksyen 48	211

SINGKATAN KATA

cet.	:	cetakan
juz.	:	juzu'
jil.	:	jilid
s.v.	:	sub verbo (di bawah perkataan)
hlm.	:	halaman
s.a.w.	:	Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam
S.W.T.	:	Subhanahu Wa Ta'ala
t.t.	:	tanpa tarikh
DBP	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
ed.	:	edisi
dll.	:	dan lain-lain
ibid	:	di tempat yang sama
JAWI	:	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
lah.	:	tahqiq
pen.	:	komentar Penulis kajian ini
terj.	:	terjemahan oleh
KL	:	Kuala Lumpur
PP	:	Pulau Pinang
r.a.	:	radhiyallahu 'anhu/ha/hum
k.w.	:	karramallahu wajhah
PJ	:	Petaling Jaya
UPPK	:	Unit Perunding dan Pembangunan Keluarga
USM	:	Universiti Sains Malaysia
W.P.	:	Wilayah Persekutuan
YM	:	Yang Menuntut
YKT	:	Yang Kena Tuntut
lwn	:	lawan (Ing.: v. (versus) iaitu against)
Dr.	:	Doktor
sek.	:	seksyen
BAHEIS	:	Bahagian Hal Ehwal Islam
PAR	:	Pembantu Am Rendah
IIU	:	International Islamic Universiti
K.P.P.	:	Ketua Penolong Pengarah

BAHAGIAN PERTAMA

BAHAGIAN PERTAMA

HAKAM (PENIMBANGTARA)

1: MUQADDIMAH

Urusan seseorang dengan seseorang yang lain selalunya tidak dapat lari daripada timbul kesulitan, perselisihan atau pertikaian, sama ada besar atau kecil. Daripada keadaan-keadaan itu ada kalanya ianya dapat diselesaikan sesama sendiri secara sulh. Ada pula yang perlu campurtangan pihak ketiga sebagai orang tengah atau penimbangtara. Jika inipun tidak dapat menyelesaikan masalah perlulah dibawa ke hadapan pengadilan mahkamah.

Hakam atau Penimbangtara adalah berperanan untuk menyelesaikan masalah yang berlaku. Sebagai orang tengah diantara dua pihak, yang terpaksa melibatkan diri di dalam situasi dan keadaan kes secara sebenarnya, kewibawaannya perlulah ada sehingga pihak-pihak

yang terlibat redha dan rela dengan perlantikan dan keputusan yang diputuskan serta diarahkan. Perlantikan daripada dua pihak ini tidaklah semestinya setelah ada pertikaian, bahkan bagi yang tidak ada pertikaian tapi bagi menyelesaikan persoalan kes sahaja atau bukan untuk mendapat kepastian undang-undang atau menjadi rujukan kepada undang-undang malah mereka mahu menjalankan hukum Syarak dan mengikut hukuman itu dengan sukarela. Di sini Hakam tidaklah boleh melihat keadaan kes secara zahir semata-mata, bahkan secara lebih jauh dan mendalam atas hasrat masing-masing pihak dan setelah membuat penyelidikan dan mendapat keterangan yang jelas.

Penyelesaian secara tahkim adalah berlaku di luar mahkamah. Ini bukanlah bermakna ianya mengeneipkan peranan mahkamah. Adalah disebut bahawa badan kehakiman (mahkamah) janganlah merahsiakan penyelesaian atas perbalahan-perbalahan dikalangan individu-individu, malah hendaklah Badan Kehakiman itu berkerjasama dalam penyelesaian tersebut (antaranya) dengan Badan Tahkim.¹

Orang tengah yang diserahkan tugas bagi memutuskan sesuatu kes atau masalah pihak-pihak yang bertelingkah

1. Muhammad Salam Madkur, al-Qadha' fi al-Islam, (al-Qahirah: Dar an-Nahdah al-'Arabiah, 1964), hlm. 131.

atau berbalah, hendaklah diserahkan kuasa dan diberi keredhaan oleh tiap-tiap pihak secara jelas dan secara penuh. Tidaklah disyaratkan perlantikan hakam atau penyelesaian secara tahkim itu ketika tidak ada Hakim sahaja, bahkan harus walaupun wujud Hakim kerana hal ini telah berlaku atau diamalkan dikalangan kebanyakan Sahabat yang besar tetapi tidak diingkari oleh seseorangpun dikalangan mereka.¹

Wilayah at-Tahkim merupakan wilayah khas atau mempunyai kuasa yang tertentu sahaja. Ianya mempunyai persamaan dengan wilayah al-Qadha' disatu pihak tetapi berbeza disudut yang lain. Sudut persamaan ialah memutuskan kes diantara dua pihak yang bertikai atau berbalah dan memberi hukuman diantara kedua-duanya. Disegi perbezaan pula at-Tahkim ini merupakan (mempunyai) wilayah khas dan pengtahkimannya tidaklah mengikat (mulzim) bagi dua pihak tersebut kecuali dengan keredhaan kedua-duanya.²

Sebenarnya penggunaan Hakam atau keputusan secara tahkim ini diharuskan di dalam banyak bidang dan adalah

1. Al-Khatib, Muhammad asy-Syarbini, Mughni al-Muhtaj, 4 juz., (Dar al-Fikr, t.t.), 4: 378.

2. Wasil, Dr. Nasir Farid Muhammad, as-Sultah al-Qadhaiah wa Nidham al-Qadha' fi al-Islam, cet. 2 (Misr: Matba'ah al-Amaniah, 1403/1983), hlm. 178.

luas. Muhammad Salam Madkur menyebut: Matlamat hakam iaitu: Untuk memutuskan sesuatu perbalahan dan melaksanakan hukum Syarak. Badan Tahkim adalah lebih rendah tarafnya daripada kehakiman kerana Qadi adalah lebih berhak membicarakan sesuatu dakwaan apa yang "muhakkam" tidak boleh bicarakan. Oleh itu Abu Yusuf berkata: Tidak harus diikat badan tahkim dengan sesuatu syarat yang berkaitan, melainkan dengan kehakiman. Ini kerana hukuman tahkim adalah mengenai ke atas orang yang memberi kerelaan sahaja sedangkan kehakiman boleh menjangkau kepada pihak-pihak lain walaupun tanpa kerelaannya.¹

Daripada ini didapati keputusan secara tahkim ini merupakan penyelesaian yang dibuat di luar mahkamah. Hukuman yang diputuskan oleh Hakam ini samalah seperti hukuman yang diputuskan oleh seseorang Hakim di dalam sesuatu perbicaraan, di mana ianya akan mengikat pihak-pihak yang telah bersetuju dan memberi keredhaan untuk melantik Hakam tersebut bagi menyelesaikan hal tersebut.

Keputusan atau hukuman yang diputuskan oleh seseorang Hakam atau keputusan yang dipersetujui diantara

1. Muhammad Salam Madkur, al-Qadha' fi al-Islam, hlm.131.

hakam-hakam hendaklah atas prinsip, acara dan hukuman yang berdasarkan Hukum Syarak. Dalam sebuah hadis, Rasulullah s.a.w. bersabda:¹

من حكم بين اثنين تراضيا به فلم يعدل بينهما فعليه لعنة الله

Maksudnya: Sesiapa yang menjadi hakam yang menghukum diantara dua pihak yang kedua-duanya redha (setuju) dengan pengtakhimannya, tetapi dia tidak berlaku adil diantara kedua-duanya, maka ke atasnya laknat Allah.

Dalam bidang kekeluargaan hakam-hakam berkewajipan untuk mencurahkan segala upayanya untuk mengadakan "islah" diantara suami isteri. Keharusan bertahkim ini adalah kerana semua cara-cara untuk islah yang dilakukan oleh suami tidak berjaya.² Atau cara-cara islah yang dilakukan oleh isteri tidak berjaya. Ini seperti firman Allah:

ولن امرأة خافت من بعلها نشوزا أو لإعراضا فلا جناح عليهما

3 أن يملحا بينهما ملحا ، والصلح خير.

1. Abdul Karim Zaidan, Nidham al-Qadha' fi asy-Syari'ah al-Islamiah, cet. 1 (Bagdad: Matbaah al-'Ani, 1404/ 1984), hlm. 295.

2. As-Sobuni, Muhammad Ali, Tafsir Ayat al-Ahkam, cet. 3, 2 juz., (Damisyq: Maktabah al-Ghazali, 1400/ 1980), 1: 473.

3. Al-Qur'an: Surah an-Nisa', 4:128. Maksud Al-Qur'an di dalam Kajian ini semuanya dirujuk kepada Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an, terbitan Bahagian Hal Ehwal (Pusat Islam Malaysia), Jabatan Perdana Menteri (Cet. 3, (1405/1985).

Maksudnya: Dan jika seseorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya "nusyuz" (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian diantara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai berai).

Seterusnya Islam telah meletakkan garis panduan dan peranan Hakam bagi mencari jalan perdamaian dan jalan keluar yang sepatutnya dilalui. Dalam firman Allah: ¹

ولمن خفتم شقاق بينهما فابعثوا حكما من أهله وحكما من أهلها
إن يريدوا الصلحاً يوفق الله بينهما ، إن الله كان عليماً خبيراً

Maksudnya: Dan jika kamu bimbangkan perpecahan diantara mereka berdua (suami isteri), maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuan-Nya.

1. Al-Qur'an: Surah an-Nisa', 4: 35. Perkataan **خفتم** bermakna **علمتم** (Kamu mengetahui) dan **تبعثتم** (Kamu berkeyakinan). Mengikut qiel bermakna **طنتم** (Kamu dhan). Al-Bagdadi, 'Ala ad-Din Ali bin Muhammad bin Ibrahim, Tafsir al-Khazin, 4 juz., (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.), 1:253.

Di sini kita dapati bahawa salah satu syarat untuk menjadi Hakim itu ialah berkeupayaan bagi melaksanakan tugas tahkim ke arah mencapai maksud tahkim itu dan semestinya berdasarkan Hukum Syarak. Dalam penyelesaian masalah krisis rumahtangga,

Sebenarnya penyebutan tatacara ini secara khusus merupakan satu isyarat yang halus ke arah mengelakkan perceraian dan permusuhan antara suami isteri, dan memandangkan sesebuah rumahtangga yang telah dibina berdasarkan amanah yang berat daripada Allah. Dalam sebuah hadis riwayat Muslim:

لتقوا الله في النساء فلنكم أخذتموهن بأمانة الله

وادتظلمتم فزوجهن بكلمة الله

Maksudnya: Takutlah kamu kepada Allah dalam urusan perempuan kerana sesungguhnya kamu telah mengambil mereka (sebagai isteri) dengan (memikul) amanah Allah dan kamu halalkan kemaluan mereka dengan kalimah Allah.

Di sudut yang lain yang sangat mustahak diperhatikan ialah Sabda Rasulullah s.a.w.:

عن ابن عمر قال ، عن النبي صلى الله عليه وسلم

قال : أبغض الحلال عند الله هو الطلاق

Maksudnya: Sesuatu yang halal yang paling dibenci oleh Allah ialah talak.¹

Maksud kebencian Allah itu ialah supaya manusia lebih menjauhkan diri daripada melakukannya. Dan keputusan perceraian hendaklah dijadikan sebagai jalan terakhir sekali dan setelah segala cara islah tidak diperolehi. Dalam hal inipun Allah berfirman:²

الطلق مرتان فلما ك بمعروف أو تسريح بالحن ، ولا يحل
لكم أن تأخذوا مما ءاتيتموهن شيئا لئلا أن يخافا ألا يقيما
عليهما فيما افتدت به ، تلك حدود الله فلا تعتدوها ،
ومن يتعد حدود الله فأولئك هم الظالمون .

Maksudnya: Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk) dan memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara baik. Dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu dari apa yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraikan itu), kecuali jika keduanya (suami isteri) takut tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah. Oleh itu kalau kamu khawatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegak-

1. Abi Daud, Sunan Abi Daud, 4 juz. (2 jil.) (Kitab Nikah), (Beirut: Dar al-Fikr, t.t.), 2: 255. Hadis ini juga diriwayatkan oleh Ibnu Majah.

2. Al-Qur'an: Surah al-Baqarah, 2: 229.

kan aturan-aturan hukum Allah, maka tidaklah mereka berdosa - mengenai bayaran (tebus talak) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu). Itulah aturan-aturan hukum Allah, maka janganlah kamu melangganya; dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

Amanah yang besar yang dipikul oleh suami wajiblah diterima dengan penuh tanggungjawab dan secara ma'ruf. Andaikata tidak dapat lagi menjaga amanah itu, Allah perintahkan agar " **تريح بلحن** " iaitu melepaskan dengan cara yang paling baik. Inilah yang diputuskan oleh Jumahur Fuqaha'.¹

Dalam Kajian ini, kedudukan Institusi Tahkim akan dibincangkan secara khusus dengan melihat kepada Kehendak Hukum Syarak, termasuk hakam dalam menyelesaikan masalah kekeluargaan dan hakam dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. Hal ini akan dibincangkan di Bahagian Pertama ini.

1. Ar-Ramli, Nihayah al-Muhtaj, 8 juz., (Misr: Mustaffa al-Babi al-Halabi wa Auladuhu, 1386/ 1967), 6:663.